



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

7hb Oktober 2004

No. 21

No. 872.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH LIPIS

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Lipis bagi Minuman Yang Memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Lipis pada hari Khamis, bersamaan 14 Oktober 2004 jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau penukaran lesen-lesen bagi setengah Tahun Pertama dan Kedua 2004 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan 4 (empat) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Lipis, sekurang-kurangnya 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal bermiaga minuman bagi tempoh tidak kurang 6 (enam) minggu sebelum diadakan mesyuarat.

Bertarikh 22 September 2004
[PDL. Les. 13.1503]

HAJI ZAINAL ABIDIN BIN MAT @ GEMBOH
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais
Daerah Lipis

No. 873.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****LOCAL GOVERNMENT ACT 1976****PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 4****NOTIFICATION UNDER SECTION 4**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, telah mengubah sempadan kawasan Majlis Daerah Pekan daripada seluas 164.25 km. persegi menjadi seluas 2351.8 km. persegi sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan No. P.W. 3542 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang.

2. Pengubahan sempadan ini mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 6 September 2004
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 2 Pt. 1]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority, after consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Secretary of the Election Commission, has altered the boundaries of the Pekan District Council area from an area of 164.25 square km. to an area of 2351.8 square km. as delineated upon Plan No. P.W. 3542 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of the State of Pahang.

2. This alteration of boundaries comes into operation on the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Dated 6 September 2004
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 2 Pt. 1]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM
Clerk of Council
State of Pahang

ENAKMEN RIZAB MELAYU
(N.M.B. Bab 142)

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT
(F.M.S. Cap. 12)

No. 874.**PENGISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 3(i)****DECLARATION UNDER SUBSECTION 3(i)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisytiharkan tanah seluas 9.144 ekar yang dikenali sebagai Lot No. 3002, Mukim Jenderak, Daerah Temerloh, yang

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

7hb Okt. 2004]

3

ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. CP 22748 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Kawasan Simpanan Melayu dan dikenali sebagai Kawasan Simpanan Melayu Paya Luas.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land known as Lot No. 3002 measuring an area of 9.144 acres in the Mukim of Jenderak, District of Temerloh, as shown upon Survey Plan No. CP 22748 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be a Malay Reservation and to be known as Paya Luas Malay Reservation.

Bertarikh 28 Ogos 2004

Dated 28 August 2004
[PTT. 370/22/2003]

DATO' SERI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
Menteri Besar
Pahang

No. 875.

PEMBATALAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(i)

REVOCATION UNDER SUBSECTION 4(i)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Rizab Melayu, Menteri Besar Pahang mengisyiharkan tanah seluas 6 ekar 3 rood 13 pole yang dikenali sebagai lot 2922 Mukim Sanggang, Daerah Temerloh, yang ditunjukkan di atas Pelan Ukur No. CP 24121 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, yang menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu Kerdau menurut *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 3838 yang disiarkan pada 12 Ogos 1921 dibatalkan daripada menjadi sebahagian daripada Kawasan Simpanan Melayu tersebut.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Malay Reservations Enactment, the Menteri Besar of Pahang declares the land known as lot 2922 measuring an areas 6 acres 3 roods 13 poles in the Mukim of Sanggang, District of Temerloh, as shown upon Survey Plan No. CP 24121 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang, which is forming part of the Kerdau Malay Reservation *vide* the Federated Malay States Government Gazette No. 3838 published on the 12 August 1921 be revoked from forming part of the said Malay Reservation.

Bertarikh 28 Ogos 2004

Dated 28 August 2004
[PTT. 370/22/2003]

DATO' SERI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB
Menteri Besar
Pahang

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 876.

PERIZAPAN TANAH UNTUK MAKSUM AWAM
RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah seluas 0.033 hektar, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, yang dilukiskan di atas Pelan Ukur No. PW 3620 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai tapak Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan Kawasan Perindustrian Semambu, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan disenggara oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembetungan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority has reserved the land measuring an area of 0.033 hectare, Mukim of Kuala Kuantan, District of Kuantan, as delineated upon Survey Plan No. PW 3620 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the Semambu Industrial Area Sewerage Services and System, to be under the control of Federal Land Commissioner and to be maintained by the Director General of Sewerage Services.

Bertarikh 2 September 2004

Dated 2 September 2004
[PTK. 3/5/692]

NASHRUDDIN BIN MD. SALIM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang

No. 877.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Tengku Alauddin bin Tengku Abd. Majid yang beralamat d/a Asria Travel & Tours Sdn. Bhd., B-2 Jalan Bukit Sekilau, 25200 Kuantan, Pahang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawa saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahwasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Kuantan pada hari Selasa 2 November 2004 jam 2.30 petang.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

7hb Okt. 2004]

5

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. Lot—1329. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1124. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1814/1996, Jilid 341, Folio 77. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 31 Julai 2004
[PTK. 4.5.1.3281]

HAJI HARUN BIN ABDULLAH
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Kuantan*

No. 878.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Kamal Al Hashir bin Mohd Fiah, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 28 Oktober 2004 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah Jerantut; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM77,700.00 (dalam perkataan (Tujuh Puluh Tujuh Ribu Tujuh Ratus sahaja).
 2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Bank Pertanian Malaysia pada tarikh ini ialah RM60,724.38 Bank Pertanian Malaysia.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,700 (Tujuh Ribu Tujuh Ratus sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

6

[7hb Okt. 2004]

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 27 Februari 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Teh. No. P.T.—142. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 536. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1332/1995, Jilid 51, Folio 47. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 28 Oktober 2003
[PTJ. 2.7.16/2003]

*Pentadbir Tanah Daerah
Jerantut*

No. 879.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Huzunul Khaidil bin Mohammed (KP. 760811-06-5273) Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan kecil yang tersebut itu,

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 17 November 2004 bersamaan hari Rabu pukul 11.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM100,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM237,309.61.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Mentakab Daerah Temerloh. No. P.T.—13514. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4105. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1616/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 16 Ogos 2004
[PTT. 4/369/4/2004]

*Pentadbir Tanah Daerah
Temerloh*

NOTIS-NOTIS AM

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

No. 880.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Rosli bin Abdul Rahman (KP. 590909-06-5379) yang beralamat di PP3 Jalan Tanjong Besar, Kg. Paya Pulai, 28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya tuan telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Kegagalan atau keengganan untuk membayar balik suatu pinjaman sejumlah RM22,500.00 berserta faedah pada kadar 9% setahun yang diberikan oleh Kewangan Bersatu Berhad. Baki keseluruhan hutang setakat 31 Oktober 2002 adalah sejumlah RM26,572.90.

Bahawasanya kemungkiran tersebut telah berterusan bagi tempoh tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum tarikh notis ini, kami sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa yang diberi oleh seksyen 254, Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki tuan supaya memulihkan peruntukan yang dilanggar itu dalam tempoh Empat Belas (14) hari dari tarikh penyerahan notis ini.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa jika sekiranya tuan tidak memulihkan peruntukan yang dilanggar itu dalam tempoh itu, maka kami akan memohon supaya Perintah Jual dikeluarkan ke atas harta tanah yang digadaikan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Mukim Perak	4475	3516	Semua	Semua	No. Perserahan 441/95 Jilid 103 Folio 83
Daerah Temerloh					

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 23 April 2003

*Tetuan Kewangan Bersatu Berhad
No. Perserahan 27/2003
Tandatangan (atau lain-lain cara
Penyempurnaan) oleh atau bagi
Pihak pemegang gadaian
Yeoh Cheang Teik
(KP. 580313-07-5649)*

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

8

[7hb Okt. 2004]

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 881.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Fauzi bin Ismail (KP. 560125-03-5449/5059943) yang beralamat di 102 Lorong Balok Baru 12 Pasdec, Taman Balok Baru, 26100 Kuantan, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan tidak menjelaskan wang sebanyak RM147,020.50 setakat 31-1-2004.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Mukim Sungai Karang	4579	4332	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 2276/2001
Daerah					
Kuantan					

Bertarikh 14 Mei 2004

AFFIN BANK BERHAD
oleh Wakil Mutlaknya
No. Perserahan 133/2001
No. Perserahan 113/98

*Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan
oleh atau bagi pihak Pemegang Gadaian)*

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

7hb Okt. 2004]

9

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

No. 882.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Vatumalai a/l Sreerengam (KP. 7707974) dan Sarathamah a/p Nadesan (KP. 8119840) yang beralamat di Ladang Edensor Batu Lima, Jalan Karak, 28400 Mentakab, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan:

Gagal untuk membuat pembayaran balik Pinjaman kepada pemegang gadaian seperti di dalam Lampiran Gadaian untuk membayar balik jumlah baki keseluruhan pinjaman (balance outstanding) sejumlah RM12,819.67 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Lapan Ratus Sembilan Belas dan Sen Enam Puluh Tujuh sahaja) seperti pada 31-5-2004 beserta faedah pinjaman pada kadar 1.25% setahun melebihi kadar Asas Pinjaman yang mana pada masa kini pada kadar 6.00% setahun sebagai penyelesaian hutang kepada pemegang gadaian sepertimana terkandung di dalam gadaian bertarikh 11 September 1991.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya Tujuh (7) Hari sebelum tarikh notis ini disampaikan.

Saya sebagai Pemegang Gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh Tujuh (7) Hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(D)					
Mukim Mentakab	6066	7386	Semua	Tiada	No. Perserahan 6857/91 Jilid 269 Folio 36
Daerah Temerloh					

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 15 Julai 2004

*Tandatangan oleh atau bagi
pihak pemegang gadaian*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA